

03/09/2002

Bahasa: Pertubuhan Cina enggan terima (HL)

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Isnin - Dua pertubuhan yang mewakili kaum Cina meminta pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tahun depan hanya dilaksanakan di sekolah menengah.

Dalam pertemuan lebih sejam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina (ACCCIM) mahu bahasa ibunda dikekalkan bagi pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC).

Pada masa sama, kumpulan yang mewakili tujuh pertubuhan utama kaum Cina yang tidak menentang pelaksanaan dasar itu, bagaimanapun berharap kerajaan menimbang melaksanakannya di sekolah menengah.

Naib Presiden Persekutuan Persatuan Kwang Tung Malaysia (FKTAM), Poon Sum Chow, yang menjadi jurucakap tujuh pertubuhan Cina itu berkata, ini kerana bahasa Cina mudah difahami pelajar Cina pada peringkat rendah.

"Ini terbukti dengan pencapaian kelulusan 90 peratus bagi Sains dan 80 peratus untuk Matematik di kalangan pelajar SRJKC dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Justeru, kami berpendapat pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris wajar dimulakan pada peringkat sekolah menengah kerana dapat menjimatkan masa dan pelajar lebih mudah menerima pertukaran itu seperti perubahan dari sekolah rendah aliran Cina ke sekolah menengah kebangsaan," katanya.

Pada sidang akhbar yang turut dihadiri Dr Mahathir, Poon berkata tujuh persatuan itu akan menyokong jika kerajaan tetap melaksanakan dasar itu pada peringkat sekolah rendah.

Sementara itu, Presiden ACCCIM, Tan Sri Lim Guan Teik, berkata satu memorandum mengenai isu itu sudah dikemukakan kepada Dr Mahathir pada 26 Ogos lalu, yang secara umumnya menyokong pelaksanaan dasar baru kerajaan itu, tetapi meminta beberapa perubahan dilakukan.

Menjelaskan mengenai perubahan itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perundangan ACCCIM, Datuk Wong Pui Lam berkata:

"Kami mengesyorkan supaya pengajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah, baik aliran Cina atau Tamil, dikekalkan dalam bahasa ibunda pelajar tetapi dengan menggunakan buku serta peralatan mengajar dwibahasa iaitu bahasa ibunda pelajar serta bahasa Inggeris."

Katanya, persekutuan itu juga antara lain meminta kerajaan mengkaji semula sukatan pelajaran bahasa Inggeris yang diguna pakai di sekolah kini.

"ACCCIM mencadangkan supaya bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib, di samping meningkatkan masa pengajaran dan tempoh pembelajaran bagi pelajar sekolah di semua peringkat serta menggalakkan penulisan dan percakapan dalam bahasa berkenaan di kalangan pelajar serta guru," katanya.

Delegasi ACCCIM merangkumi 12 pemimpin peringkat negeri serta pucuk pimpinan tertinggi persekutuan itu.

Tujuh pertubuhan kaum Cina pula diwakili pemimpin FKTAM, Persekutuan Persatuan Hokkien Malaysia, Persekutuan Persatuan Hakka Malaysia, Persekutuan Persatuan Hainan Malaysia, Persekutuan Persatuan Teochew Malaysia, Persatuan Kwangsi Malaysia dan Persekutuan Persatuan San Kiang Malaysia.

Hadir sama, Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Ketua Pemudanya,

Datuk Ong Tee Keat yang dipercayai menjadi penyelaras perjumpaan itu.

Sementara itu, Dr Mahathir pada sidang akhbar sama berkata, ACCCIM dan tujuh pertubuhan utama masyarakat Cina itu berpendapat pelajar sekolah rendah lebih mudah memahami Matematik dan Sains dalam bahasa ibunda masing-masing.

"Tak apalah, kita dengar pendapat mereka dan pendapat semua pihak.

Kemudian kita akan kaji semua pendapat itu dengan mendalam," katanya sambil menambah, secara umum, kedua-dua kumpulan berkenaan menyokong cadangan kerajaan melaksanakan dasar itu.

"Mereka menyokong peningkatan pelajaran bahasa Inggeris daripada sekolah rendah, mungkin dengan menambah waktu dan meningkatkan kurikulum.

"Dalam perkara ini tidak ada perbezaan pendapat antara mereka dan pihak kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menimbang cadangan yang dikemukakan kumpulan itu dan mengambil kira pandangan beberapa pihak atau kumpulan lain sebelum membuat keputusan muktamad.

"Saya tidak kata saya akan menolaknya tetapi kita akan memberi pertimbangan serius. Kita juga mempunyai masalah untuk menyediakan semua ini bagi tahun depan. Kini cuma tinggal empat bulan lagi.

"Persediaan sudah dilakukan tetapi sama ada kita boleh membekalkan semua sekolah dengan komputer, projektor malah mengajar guru bagaimana mengendalikannya dalam waktu yang singkat itu, adalah satu persoalan yang perlu kita tangani.

"Kalau tak boleh, ok kita boleh terima kita tak dapat (laksanakan). Jika kita boleh, kita akan kata boleh. Tetapi untuk ini, saya sudah meminta mereka (masyarakat Cina) supaya mereka memberi ruang kepada kerajaan untuk memikirkannya," katanya.

Sebelum ini, 38 persatuan Cina di seluruh negara membantah hasrat kerajaan melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di SRJKC.

Semua persatuan Cina itu dalam satu mesyuarat tergepar selama dua jam pada 1 Ogos lalu meluluskan dua resolusi dan sependapat dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat tetapi menentang penggunaan bahasa itu dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Antara pertubuhan menghadiri mesyuarat itu ialah Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong).